

Gadis berusia 15 tahun ditemui selamat, didakwa rancang culik diri sendiri

Fatihah disahkan lari ikut kekasih

Kosmo 24/3/12 ms 3

KUANTAN – Seorang pelajar, Siti Nur Fatihah Mahadi, 15, yang dilaporkan diculik pada Ahad lalu ditemui selamat di sebuah rumah di Merchong dekat Pekan semalam.

Fatihah ditemui selepas polis menahan seorang pemuda berusia 20-an di kawasan Merchong pada pukul 4.30 petang.

Jarak lokasi mangsa hilang di Taman Tas, Kuantan dengan tempat mangsa diselamatkan kira-kira 100 kilometer.

Sumber memberitahu selepas ditahan, lelaki yang dipercayai kekasih mangsa membawa polis ke sebuah rumah yang menempatkan Fatihah. Rumah tersebut adalah milik keluarga lelaki itu.

“Mangsa mengaku dia keluar dari rumahnya untuk mengikut lelaki itu dengan rela hati,” kata sumber itu ketika dihubungi di sini malam tadi.

Siasatan mendapati lelaki yang ditahan itu merupakan kakitangan kerajaan yang bekerja di Alor Setar, Kedah dan pulang ke Pekan di sini untuk bercuti.

Difahamkan, kehilangan mangsa telah dirancang oleh pasangan tersebut dan tindakan Fatihah keluar ke kedai merupakan satu heboh mangsa.

Sehingga malam tadi, suspek masih ditahan untuk siasatan lanjut manakala mangsa pula akan dihantar ke hospital berhampiran untuk pemeriksaan kesihatan.

Terdahulu, ibu remaja berkenaan, Nor Mala Mohd. Lazin, 34, berkata, dia menerima panggilan telefon pada pukul 2 pagi semalam daripada seorang lelaki yang mendakwa Fatihah selamat.

“Saya mendapat panggilan daripada lelaki yang tidak dikenali yang meminta saya dan keluarga usah bimbang.

“Pada mulanya lelaki itu menyamar memberitahu dia pelajar



SHAHMI dan Siti Nurul Aishah menunjukkan lokasi Fatihah diculik di kawasan kedai di Taman Tas, Kuantan Ahad lalu.

Mangsa mengaku dia keluar dari rumahnya untuk mengikut lelaki itu dengan rela hati

SUMBER

Gadis 15 tahun diculik, direntap

◆ Seorang gadis berusia 15 tahun ditemui selamat di sebuah rumah di Merchong dekat Pekan semalam.

◆ Lelaki yang dipercayai kekasih mangsa membawa polis ke sebuah rumah yang menempatkan Fatihah.

◆ Rumah tersebut adalah milik keluarga lelaki itu.

◆ Jarak lokasi mangsa hilang di Taman Tas, Kuantan dengan tempat mangsa diselamatkan kira-kira 100 kilometer.

◆ Sumber memberitahu selepas ditahan, lelaki yang dipercayai kekasih mangsa membawa polis ke sebuah rumah yang menempatkan Fatihah.

◆ Rumah tersebut adalah milik keluarga lelaki itu.

◆ Mangsa mengaku dia keluar dari rumahnya untuk mengikut lelaki itu dengan rela hati.

◆ Siasatan mendapati lelaki yang ditahan itu merupakan kakitangan kerajaan yang bekerja di Alor Setar, Kedah dan pulang ke Pekan di sini untuk bercuti.

◆ Difahamkan, kehilangan mangsa telah dirancang oleh pasangan tersebut dan tindakan Fatihah keluar ke kedai merupakan satu heboh mangsa.

◆ Sehingga malam tadi, suspek masih ditahan untuk siasatan lanjut manakala mangsa pula akan dihantar ke hospital berhampiran untuk pemeriksaan kesihatan.

◆ Terdahulu, ibu remaja berkenaan, Nor Mala Mohd. Lazin, 34, berkata, dia menerima panggilan telefon pada pukul 2 pagi semalam daripada seorang lelaki yang mendakwa Fatihah selamat.

◆ “Saya mendapat panggilan daripada lelaki yang tidak dikenali yang meminta saya dan keluarga usah bimbang.

◆ “Pada mulanya lelaki itu menyamar memberitahu dia pelajar

KERATAN Kosmo! semalam.



FATIHAH

tingkatan empat yang satu sekolah dengan Fatihah namun apabila didesak lelaki itu akhirnya memberitahu dia ialah kawan kepada Fatihah dan mengaku melarikan Fatihah,” kata Nor Mala ketika ditemui pemberita di rumahnya di sini semalam.

Nor Mala berkata, lelaki itu kemudian memaklumkan bahawa Fatihah akan pulang ke rumah dalam masa terdekat setelah kehilangannya kini menjadi kes polis.

Nor Mala berkata, melalui perbualan selama dua jam, lelaki itu banyak memintanya supaya tidak khawatir mengenai Fatihah kerana mendakwa remaja itu selamat.

“Tetapi dia tidak beritahu ibu angkat kawan Fatihah yang mana satu atau orang itu ibu angkat kepada lelaki itu sendiri,” katanya.

Nor Mala memberitahu, dalam perbualan telefon itu, lelaki berkenaan banyak berdolok-dalih mengenai kehilangan Fatihah.

“Banyak perkara yang lelaki itu enggan beritahu lebih-lebih lagi bila ditanya mengenai lokasi di mana Fatihah berada,” ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan Fatihah hilang selepas didakwa diculik oleh dua lelaki dan seorang wanita yang menaiki sebuah kereta dalam kejadian pada pukul 12 tengah hari di Taman Tas di sini Ahad lalu.

Semasa kejadian, gadis itu dikatakan ke kedai untuk membeli

kad tambah nilai prabayar telefon bimbit miliknya.

Nor Mala berkata, dalam perbualan itu lelaki yang dipercayai berusia 20-an itu juga memberitahu, dia kini serba salah kerana melarikan Fatihah.

“Si pemanggil itu juga mendakwa dia mempunyai kes jenayah yang belum selesai dan jika boleh dia tidak mahu ada rekod jenayah lain,” katanya.

Berikutan panggilan itu, Nor Mala berkata, dia kemudian memaklumkan perkara itu kepada polis pada pukul 5.30 pagi.

“Pada pukul 6 pagi, saya cuba hubungi semula nombor telefon itu beberapa kali tetapi panggilan itu tidak dijawab,” katanya.

Dalam pada itu, Nor Mala berkata, dia tidak percaya Fatihah melarikan diri dari rumah kerana anak sulung daripada tiga beradik itu seorang yang taat kepada keluarga.

“Tiada motif Fatihah mahu lari dari rumah, hubungan dia dengan saya macam kawan,” kata Nor Mala yang merupakan seorang suri rumah.

Sementara itu, adik Fatihah, Mohd. Shahmi Aiman dan Siti Nurul Aishah, masing-masing berusia 11 tahun, tidak ke sekolah kerana tidak lena tidur sejak kehilangan Fatihah.

Shahmi berkata, dia masih trauma dan terbayang bagaimana kakaknya ditarik dan dipaksa masuk ke dalam kereta ketika kejadian.

“Saya ditolak dengan kasar ketika mahu membantu kakak daripada dilarikan.

“Saya harap kakak berada dalam keadaan selamat. Saya harap penculik kakak dapat menghantar kakak Fatihah balik ke rumah segera,” kata Shahmi.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan atas kesalahan menculik gadis bawah umur daripada penjaga yang sah.